


Takaful Haji dan Umrah

Hajj and Umrah Takaful



PERLINDUNGAN & SIMPANAN | PROTECTION & SAVINGS



TBK Directory

Head Office

Unit 1, Level 1 Dar Takaful IBB Utama
Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS8711
Negara Brunei Darussalam

TBK Claims Unit

Tel: +673 223 1100

TBK Call Centre

+673 223 1100

TBK Whatsapp

+673 737 1100

Menjamin Impian Awda Untuk Beribadah Ke Tanah Suci
Securing Your Pilgrimage Dream

HAIJUMRAH/V2/4-2019

www.takafulbrunei.com.bn

  takafulbrunei



Apa erti Takaful?

Sekumpulan peserta yang bersetuju untuk sama-sama menyumbang di dalam satu tabung bagi membantu sesama mereka yang ditimpa musibah sepertimana sistem 'Aqilah yang dipraktikkan di zaman Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.” (Al-Maidah: 2)

Takaful juga adalah salah satu saluran yang membolehkan individu berikhtiar untuk **saling bantu membantu bagi menghadapi dan berkongsi risiko serta menyediakan manfaat bagi mengurangkan beban kewangan sesama mereka.**

Takaful Haji dan Umrah

Pengenalan

Ibadat Haji adalah rukun Islam yang kelima dan hukumnya adalah wajib sekali seumur hidup ke atas seseorang Islam yang mempunyai kemampuan.

Manakala Ibadat Umrah pula jika dikerjakan mendapat pahala menyamai pahala haji jika dikerjakan dalam bulan Ramadhan; Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda:

“...Umrah pada bulan Ramadhan serupa dengan Haji (pahala)” (Hadith Riwayat Imam Muslim)

Dalil Al-Quran dan Hadith

Ibadat Haji wajib hukumnya berdasarkan Al-Quran dan Sunnah. Adapun dalil dari Al-Quran ialah firman Allah Ta'ala:

“...Dan Allah mewajibkan ke atas manusia mengerjakan ibadat haji ke Baitullah iaitu bagi sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya. Dan sesiapa yang mengingkari (kewajipan ibadat haji) maka sesungguhnya Allah Maha Kaya daripada sekalian alam.” (Ali Imran : 97)

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda:

“Umrah (yang pertama) kepada umrah yang berikutnya sebagai kafarah (penghapus) bagi (dosa) yang dilakukan di antara keduanya, dan haji yang mabrur tidak ada balasan baginya melainkan syurga.” (Hadith Riwayat Imam Muslim)

Takaful Haji dan Umrah

Pelan ini dikhususkan untuk seseorang yang berhasrat untuk membuat perancangan bagi mengerjakan ibadah Haji atau Umrah. Pelan ini adalah bagi memudahkan peserta mengumpul sejumlah wang dengan lebih sistematik dan teratur mengikut kemampuannya.

Tujuan

Tujuan asas pelan ini adalah bagi:

- Menabung secara teratur dan sistematik bagi tujuan mengerjakan Haji atau Umrah.
- Menyempurnakan hajat seseorang untuk mengerjakan ibadah Haji atau Umrah.
- Memperolehi simpanan yang dikendalikan mengikut Syara'.
- Menerima pulangan keuntungan pelaburan yang patuh Syara'.

Skop Perlindungan

Skop perlindungan bagi pelan ini adalah Kematian dan Keilatan Kekal Seluruh Badan, tertakluk kepada terma dan syarat.

Jumlah Perlindungan

- Minima: BND 2,000 seorang

Ansuran Caruman Takaful

Ansuran Caruman Takaful adalah tertakluk kepada jumlah perlindungan dan tempoh penyertaan.

Tempoh Penyertaan

- Minima: Satu (1) tahun
- Maksima: Sepuluh (10) tahun

Kelayakan

- Muslim
- Berumur lapan belas (18) tahun hingga enam puluh lima (65) tahun. Sijil hendaklah matang pada umur tujuh puluh (70) tahun

Cara Pengendalian

Ansuran caruman Takaful yang dibayar oleh peserta akan dikendalikan menggunakan konsep Syara' iaitu yang berasaskan Tabarru' dan Al-Mudharabah.

Akaun Peserta & Akaun Khas Peserta

Amaan ansuran caruman Takaful dimasukkan ke dalam Kumpulanwang Takaful Keluarga yang akan dibahagikan kepada dua akaun: Akaun Peserta (AP) dan Akaun Khas Peserta (AKP).

Sebahagian besar ansuran caruman tersebut dikreditkan ke dalam Akaun Peserta (AP) untuk tujuan simpanan. Sementara bakinya dikreditkan ke dalam Akaun Khas Peserta (AKP) sebagai Tabarru' (Derma) bagi tujuan khairat Kematian dan Keilatan Kekal Seluruh Badan.

Ansuran caruman ini akan dilaburkan berlandaskan Syara' mengikut cara-cara yang sesuai oleh Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd (TBK).

Kadar Pembahagian Ansuran Caruman

Kadar pembahagian ansuran caruman untuk dimasukkan ke dalam AP (simpanan) dan AKP (Tabarru') adalah mengikut umur peserta:

Skop Perlindungan Kematian dan Keilatan Kekal Seluruh Badan
Tempoh Matang

Kumpulan Umur (Tahun)	Peratus Tabarru'				
	1 - 2 Tahun	3 - 4 Tahun	5 - 6 Tahun	7 - 8 Tahun	9 - 10 Tahun
18 - 25	1.0 %	1.2 %	1.3 %	1.7 %	1.7 %
26 - 30	1.0 %	1.1 %	1.2 %	1.7 %	1.7 %
31 - 35	1.0 %	1.1 %	1.3 %	1.8 %	1.8 %
36 - 40	1.0 %	1.6 %	1.9 %	2.6 %	2.6 %
41 - 45	1.2 %	2.6 %	3.2 %	3.9 %	4.0 %
46 - 50	2.0 %	4.4 %	5.3 %	6.0 %	6.6 %
51 - 55	3.3 %	7.1 %	8.5 %	9.0 %	10.8 %
56 - 60	5.4 %	12.0 %	14.4 %	16.0 %	17.7 %
61 - 65	9.3 %	20.2 %	23.6 %	25.1 %	27.7 %

*Sila rujuk kepada Takaful Brunei Keluarga (TBK) untuk keterangan lebih lanjut.



What is the meaning of Takaful?

A pact among a group of participants who agree to contribute to a fund to assist each other in the event of misfortune similar to the 'Aqilah system which was practised during the time of the Prophet Muhammad (Peace Be Upon Him).

“Help one another in Al-Birr and At-Taqwa (virtue, righteousness and piety); but do not help one another in sin and transgression.” (Al-Maidah: 2)

Takaful is also a channel that allows individuals to take the initiative **to help one another to face and share risks together while providing benefits to ease financial burden between them.**



Hajj and Umrah Takaful

Introduction

The Hajj is the fifth pillar of Islam and compulsory for a muslim to perform once in a lifetime if they can afford it.

The Umrah on the other hand has a similar reward as Hajj if perform during the month of Ramadhan; from Ibnu Abbas Rasullulah (Peace Be Upon Him) mentioned in hadith:

“...for umrah in Ramadhan is equal to Hajj (in reward)” (As narrated by Imam Muslim)

Al-Quran and Hadith

The Hajj is compulsory according to the Al-Quran and Sunnah. Allah Ta’ala mentioned in Al-Quran:

“...And pilgrimage to the House is a duty unto Allah for mankind, for him who can find a way thither. As for him who disbelieves, (let him know that) Allah is independent of (all) creatures.” (Ali Imran : 97)

Rasulullah (Peace Be Upon Him) said:

“(The performance of) Umrah is an expiation for the sins committed (between it and the previous one). And the reward of Hajj Mabruur (the one accepted by Allah) is nothing except Paradise.” (As narrated by Imam Muslim)

Haji and Umrah Takaful

This Takaful plan is for people who wish to plan to perform the Hajj or Umrah. This Takaful Plan may make it convenient for participants to systematically save money according to their financial capability.

Objectives

Objectives of this plan are:

- To systematically save money for the purpose of performing the Hajj or Umrah.
- To grant one’s wish to perform the Hajj or Umrah.
- To have a Shariah compliant savings.
- To receive profitable returns from Syariah compliant investments.

Scope of Cover

The scope of cover for this plan is Death and Total Permanent Disability, subject to terms and conditions.

Sum Covered

- Minimum: BND 2,000 per person

Takaful Instalment

Takaful instalment is subject to total sum covered and the period of participation.

Participation Period

- Minimum: One (1) year
- Maximum: Ten (10) years

Eligibility

- Muslim
- Eighteen (18) to sixty-five (65) years old. The Certificate must mature before the age of seventy (70).

Contribution Management

The amount received from the takaful instalment will be processed in accordance with the concept of Syara’ based on Tabarru’ and Al-Mudharabah.

Participant’s Account & Participant’s Special Account

The amount of the takaful instalment will be credited to Family Takaful Fund which will be split into two accounts: Participant’s Account (PA); and Participant’s Special Account (PSA).

A large sum of your instalment will be credited to Participant’s Account (PA) for savings purposes. While the remaining will be credited to your Participant’s Special Account (PSA) as Tabarru’ (Donation) for takaful benefits in the event of Death and Total Permanent Disability.

The takaful instalment will then be invested in accordance with the concept of Syara’ in a manner deemed fit by Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd (TBK).

Rate for Takaful Instalment

Percentage rate for takaful instalment to be credited into the PA (savings) & PSA (Tabarru’) according to participant’s age group as follows:

Scope of Cover - Death and Total Permanent Disability Maturity Period

Age Group (Years)	Tabarru’ Percentage				
	1 - 2 Years	3 - 4 Years	5 - 6 Years	7 - 8 Years	9 - 10 Years
18 - 25	1.0 %	1.2 %	1.3 %	1.7 %	1.7 %
26 - 30	1.0 %	1.1 %	1.2 %	1.7 %	1.7 %
31 - 35	1.0 %	1.1 %	1.3 %	1.8 %	1.8 %
36 - 40	1.0 %	1.6 %	1.9 %	2.6 %	2.6 %
41 - 45	1.2 %	2.6 %	3.2 %	3.9 %	4.0 %
46 - 50	2.0 %	4.4 %	5.3 %	6.0 %	6.6 %
51 - 55	3.3 %	7.1 %	8.5 %	9.0 %	10.8 %
56 - 60	5.4 %	12.0 %	14.4 %	16.0 %	17.7 %
61 - 65	9.3 %	20.2 %	23.6 %	25.1 %	27.7 %

*Please refer to Takaful Brunei Keluarga (TBK) for further details.